

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1990

MELANJUTKAN TEMPOH KEMUDAHAN PINDAHMILIK DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa kemudahan permohonan pindahmilik dan gadaian di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah telah diberitahu kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan melalui Pekeliling Pejabat ini Bilangan 1 Tahun 1988.

2. Mengikut Pekeliling tersebut kemudahan yang diberi itu ialah kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Bukan Melayu membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli yang Bukan Melayu dan Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran kepada Institusi Kerajaan yang tidak disenaraikan dalam Jadual D dan Jadual 26A. Kebenaran am yang diberikan di dalam Pekeliling tersebut adalah sehingga 31hb. Disember 1989.
3. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27.12.1989 semasa menimbang Kertas Bil. 23 / 665 / 89 (16) telah membuat keputusan melanjutkan tempoh kemudahan pindahmilik dan gadaian di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah itu sehingga 31 Disember 1990.

t.t
(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH : 10HB. JANUARI, 1990

KEPADA

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

FAIL : P.T.G. KN. SULIT 23 / 3 / 1 / JLD.2 (32)